

**Malaysia Akan Tandatangani MoU Koperasi Bersama Negara-negara Asean: Ismail Sabri**  
**Bernama**  
**05 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Malaysia akan menandatangani memorandum persefahaman untuk membina jaringan koperasi antara Malaysia dan negara-negara Asean dalam masa terdekat khususnya dengan Vietnam dan Brunei.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerjasama itu diharap akan memperluaskan rangkaian koperasi Malaysia dengan negara Asean dan mewujudkan peluang perniagaan yang lebih luas.

"Kita perlu percaya koperasi tidak boleh tertumpu hanya dalam negara sahaja. Sebaliknya perlu berani bergerak ke peringkat lebih global.

"Kita tidak mahu koperasi menjadi seperti dulu yang mana setakat untuk menyara diri dan mencari makan untuk ahli sahaja dan ia perlu berkembang untuk menjadi sebuah entiti perniagaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam sempena Mesyuarat Pertama Pegawai-Pegawai Kanan Pemimpin Koperasi di sini malam Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678410>